

ANALISIS AYAT LEWAH DALAM KARANGAN RESPON TERBUKA PELAJAR SMK BENGKONGAN, KOTA MARUDU, SABAH

WINDDY KINDUO

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
winddykinduoh2@yahoo.com

SAIDATUL NORNIS MAHALI*

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa
saidatul@ums.edu.my

**Pengarang Perantara*

ABSTRAK

Kajian ini meneliti penulisan ayat lewah dalam Karangan Respon Terbuka oleh pelajar Tingkatan 4 tahap cemerlang di SMK Bengkongan, Kota Marudu, Sabah. Walaupun pelajar Tingkatan 4 telah menjalani proses pembelajaran tatabahasa yang agak lama yakni semenjak sekolah rendah hingga Tingkatan 3, mereka masih melakukan kesalahan bahasa yang ketara dalam penulisan karangan. Justeru, kajian ini dilaksanakan secara bersasar melibatkan 10 orang pelajar cemerlang sebagai sampel kajian. Kajian ini berbentuk kualitatif dan bertujuan untuk menganalisis kekerapan serta pola penggunaan ayat lewah dalam karangan pelajar kategori cemerlang. Semua peserta kajian diminta menghasilkan sebuah karangan berdasarkan soalan berformat peperiksaan sebenar bagi memperoleh data kajian yang autentik. Analisis terhadap pencapaian karangan menunjukkan bahawa purata markah yang diperoleh ialah 58.80 daripada 70 markah penuh, bersamaan 84 peratus. Dari segi pencapaian gred, lima orang pelajar memperoleh gred A+, dua pelajar memperoleh A dan tiga orang pelajar memperoleh gred A-. Hasil analisis data 74 ayat lewah yang dikenal pasti dalam karangan pelajar. Daripada jumlah tersebut, 41 kes melibatkan kelewahan akibat pengulangan makna, manakala 33 kes lagi berpunca daripada penggunaan unsur yang berlebihan dalam ayat. Dapatan ini memperlihatkan bahawa pelajar cemerlang masih cenderung melakukan kesalahan sintaksis terutamanya dalam aspek pembinaan struktur ayat yang efektif dan gramatis. Kajian ini memberi sumbangan dari aspek gambaran dan pemahaman mengenai kekerapan ayat lewah serta pola ayat lewah dalam penulisan karangan pelajar cemerlang di kawasan luar bandar. Kajian ini dapat menjadi panduan dalam merancang dan melaksanakan intervensi pedagogi yang lebih teratur dan berkesan bagi memperkukuh kemahiran membina ayat dalam kalangan pelajar sekolah menengah.

Kata Kunci: Kelewahan bahasa; karangan Bahasa Melayu; kesalahan sintaksis; pelajar cemerlang; pengulangan leksikal

THE USE OF REDUNDANT SENTENCES IN OPEN-RESPONSE ESSAYS AMONG STUDENTS OF SMK BENGKONGAN, KOTA MARUDU

ABSTRACT

This study investigates the use of redundant sentences in open-response essays written by high-achieving Form Four students at SMK Bengkongan, Kota Marudu, Sabah. Despite having received formal instruction in Malay grammar from primary school to Form Three, students at this level may still encounter difficulties in producing grammatically effective sentences in their writing. For this reason, the study focused on ten high achieving students who were purposively selected as the research participants. Using a qualitative approach, the study examined the frequency and patterns of redundant sentences found in the students' essays. The participants were asked to write an essay based on an actual examination style question in order to obtain authentic writing data. Their overall performance was also examined, with the students recording a mean score of 58.80 out of 70 marks, equivalent to 84%. Seven students obtained Grade A, while the remaining three obtained Grade A-. A total of 74 instances of redundant sentences were identified in the essays. Of these, 41 involved repetition of meaning, whereas 33 resulted from the inclusion of unnecessary or excessive elements within the sentence. The findings suggest that strong academic performance does not necessarily indicate complete mastery of sentence construction. Even among high achieving students, weaknesses were evident in the ability to express ideas concisely and to construct sentences that are both effective and grammatically appropriate. By focusing on students from a rural school context, this study provides insight into the nature and patterns of sentence redundancy in the writing of high achieving secondary school students. The findings may also inform the development of more focused pedagogical strategies to strengthen students' sentence construction skills and improve the overall quality of their written expression.

Keywords: Language redundancy; Malay essay writing; syntactic errors; high achieving students; lexical repetition

PENGENALAN

Penulisan karangan dalam bahasa Melayu merupakan salah satu aspek yang amat penting dalam sistem pendidikan menengah (Sarjoni et al., 2020). Penguasaan yang baik dalam kemahiran ini membolehkan pelajar mengekspresikan idea, pengalaman dan pandangan mereka (Mokhtar & Jamil, 2020). Dengan kata lain, karangan adalah medium menterjemah idea sebagai instrumen pendidikan yang membolehkan pelajar mengaplikasi prinsip-prinsip tatabahasa dan struktur bahasa secara praktikal (Mokhtar & Jamil, 2020; Yunus & Zakaria, 2024; Mohd Noor et al., 2025). Aktiviti menulis karangan memerlukan pelajar menghasilkan idea kreatif, menstrukturkan idea dalam bentuk ayat dan perenggan yang

lengkap, tepat serta logik. Penulisan karangan memberi peluang kepada guru untuk menilai tahap penguasaan bahasa pelajar secara komprehensif merangkumi aspek sintaksis, kesinambungan ayat dan keupayaan mengelakkan kesalahan tatabahasa (Thi et al., 2023). Tambahan itu, proses bimbingan dan pembetulan guru membolehkan pelajar mengenal pasti kesilapan dalam penulisan mereka sendiri (Tuttle, 2013; Suparti et al., 2025). Kesalahan sintaksis seperti penggunaan ayat tidak lengkap, subjek-predikat tidak sepadan dan penyusunan kata yang tidak tepat akan menjejaskan kejelasan serta keberkesanan mesej yang ingin disampaikan dalam karangan (Gayo & Widodo, 2018; Huang et al., 2023; Almineei, 2025).

Di Malaysia, isu kelewahan bahasa semakin jelas berlaku dalam kalangan generasi muda yang banyak dipengaruhi oleh penggunaan media sosial dan budaya komunikasi pantas. Istilah 'lewah' ditakrifkan sebagai unsur berlebihan dan tidak diperlukan secara signifikan dalam ayat (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Unsur lewah dalam penulisan boleh wujud dalam bentuk imbuhan, perkataan, frasa dan ayat. Kelewahan merupakan salah satu bentuk kesalahan dan sering dilakukan oleh pelajar apabila menulis karangan (Wahab, 2012; Dewan Bahasa dan Pustaka, 2014). Dalam konteks penulisan pelajar Tingkatan 4, masalah ini dapat dilihat dalam penulisan Karangan Respon Terbuka (70 Markah) yang merupakan soalan wajib dijawab dalam peperiksaan Bahasa Melayu Kertas 1. Kriteria penulisan dalam bahagian ini ialah pelajar perlu (i) menulis karangan yang panjangnya antara 350 hingga 500 patah perkataan, (ii) karangan mengandungi sekurang-kurangnya 5 perenggan yakni 1 perenggan pendahuluan, 3 perenggan isi dan 1 perenggan penutup, (iii) menepati 4 konstruk pemarkahan merangkumi aspek tema, isi, bahasa serta pengolahan (Awang et al., 2025; Ibrahim, 2025). Ramai pelajar cenderung menggunakan ayat yang berjela-jela dan mengulang idea kerana beranggapan bahawa penulisan yang panjang menunjukkan kematangan bahasa. Pengaruh media sosial seperti TikTok, Instagram dan WhatsApp merupakan antara punca pembinaan ayat yang salah (Narawi & Sarudin, 2024; Wazif et al., 2025). Kihob dan Mahali (2020) menyatakan kepincangan ini sebagai cabaran kepada reputasi bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Jika keadaan ini terus dibiarkan, penguasaan bahasa Melayu standard dalam kalangan generasi muda semakin lemah dan mutu penulisan akademik juga akan terjejas. Pihak sekolah, guru dan ibu bapa perlu bekerjasama untuk membimbing pelajar agar peka terhadap penggunaan bahasa yang betul, jelas dan sesuai.

SOROTAN LITERATUR

Kajian-kajian lepas yang dilakukan dalam konteks Malaysia mendapati bahawa masih ramai pelajar yang mengalami kesukaran untuk menghasilkan penulisan dengan baik. Salah satunya, kajian Austrus et al. (2025) yang meneliti cabaran penguasaan penulisan karangan Bahasa Melayu dalam kalangan pelajar bukan penutur natif di sekolah rendah melalui temu bual separa berstruktur bersama guru Bahasa Melayu. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kelemahan penulisan pelajar berpunca daripada beberapa faktor utama yakni kemahiran menulis yang lemah, tahap pencapaian yang rendah, kekurangan minat terhadap aktiviti penulisan, penguasaan bahasa yang terhad, kosa kata yang terhad dan ketidakupayaan memproses idea dengan berkesan. Walaupun kajian ini telah

memberikan gambaran menyeluruh tentang cabaran penulisan daripada perspektif guru dan menyumbang maklumat penting untuk penambahbaikan pedagogi serta kurikulum, perbincangan yang dikemukakan masih bersifat umum dan belum memfokuskan analisis kesalahan sintaksis secara khusus berdasarkan teks karangan pelajar. Selain itu, konteks kajian yang tertumpu kepada pelajar sekolah rendah bukan penutur natif mengehadkan kebolegunaan dapatan kepada pelajar sekolah menengah yang berdepan tuntutan penulisan karangan yang lebih kompleks dari segi struktur dan kecekapan sintaksis.

Kajian oleh Peng dan Amir (2023) pula meneliti tahap penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu dalam kalangan 105 orang murid Tahun Satu daripada sekolah kebangsaan (SK), sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC) dan sekolah jenis kebangsaan Tamil (SJKT) di daerah Segamat, Johor. Murid secara umumnya dapat menguasai kemahiran menulis pada tahap yang tinggi dalam aspek menulis huruf dan suku kata dengan skor min masing-masing sebanyak 4.78 dan 4.77. Namun demikian, kemahiran menulis perkataan berdasarkan gambar mencatatkan skor min yang lebih rendah ($M = 4.17$). Tambahan itu, terdapat sisihan piawai yang lebih besar dan menonjolkan wujudnya variasi tahap penguasaan dalam kalangan murid bagi tugas yang menuntut pengolahan makna yang lebih luas. Analisis lanjut turut mendapati bahawa penguasaan kemahiran menulis tidak dipengaruhi oleh faktor jantina dan jenis sekolah, apabila ujian-t dan ANOVA sehala menunjukkan tiada perbezaan yang signifikan antara murid lelaki dan perempuan serta antara SK, SJKC dan SJKT. Walaupun kajian ini memberikan gambaran empirikal yang jelas tentang penguasaan literasi menulis awal murid, skop penilaian yang terhad kepada unit asas penulisan bermakna namun kajian ini tidak meneliti aspek pembinaan frasa dan struktur ayat. Dapatan kajian ini lebih menggambarkan penguasaan kemahiran menulis pada peringkat awal dan belum dapat menjelaskan kecekapan sintaksis murid dalam menghasilkan ayat yang gramatis dan berstruktur.

Abd. Hamid et al. (2022) pula meneliti penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi kerajaan melibatkan pengenalpastian dan penghuraian kesalahan tatabahasa dalam sembilan teks perutusan khas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) berkaitan penularan wabak COVID-19 di Malaysia. Kajian kualitatif dilakukan melalui kaedah analisis kesalahan tatabahasa yang berlandaskan pegangan tatabahasa preskriptif dengan rujukan utama kepada Tatabahasa Dewan oleh Nik Safiah Karim et al. (2015), Pedoman Umum Ejaan Rumi Bahasa Melayu (1992) dan Daftar Kata Bahasa Melayu (2016). Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesalahan yang dikenal pasti terbahagi kepada dua kategori utama yakni kesalahan ortografi dan kesalahan morfologi. Kesalahan ortografi melibatkan kesalahan ejaan bahasa Melayu, ejaan kata pinjaman bahasa Arab dan penggunaan tanda baca. Kesalahan morfologi yang dikenal pasti pula melibatkan penggunaan kata pemer, kata sendi nama, kata tanya, kata terbitan, kata ganti nama diri orang dan pelanggaran hukum D-M. Pengenalpastian kesalahan ini membawa kepada rumusan pengkaji bahawa penggunaan dan penguasaan tatabahasa bahasa Melayu dalam urusan rasmi masih belum diberi perhatian yang serius oleh pihak kerajaan, walaupun institusi kerajaan seharusnya menjadi pemangkin kepada pemartabatan bahasa Melayu.

Dalam pada itu, kajian Kamat et al. (2021) juga telah memberi gambaran jelas tentang kelemahan penguasaan sintaksis pelajar Tingkatan Satu melalui analisis penggunaan kata hubung pancangan dalam penulisan mereka berasaskan Teori Analisis

Kesalahan Corder (1973). Dapatan kajian menunjukkan ayat majmuk pancangan keterangan sebagai bentuk yang paling kerap mengalami kesalahan mencerminkan kesukaran pelajar untuk menghubungkan klausa secara bermakna dan tepat apabila melibatkan fungsi keterangan yang pelbagai. Pengelasan kesalahan kepada aspek struktur ayat, pemilihan kata hubung, tanda baca, kosa kata, dan hubungannya dengan kategori kesalahan seperti pengguguran dan penambahan unsur mengukuhkan kekuatan kajian ini dari segi ketelitian analisis linguistik. Walau bagaimanapun, tumpuan kajian yang terhad kepada satu aspek sintaksis dan kumpulan pelajar menengah rendah menjadikan kefahaman terhadap kecekapan sintaksis pelajar dalam penulisan karangan yang lebih matang masih belum menyeluruh. Kajian ini juga lebih menekankan pengesanan kesalahan berbanding bagaimana kesalahan tersebut mempengaruhi kelancaran wacana dan keberkesanan penyampaian idea. Oleh itu, kajian lanjutan wajar dijalankan pada peringkat menengah atas untuk meneliti kecekapan sintaksis secara lebih holistic meliputi aspek kecenderungan pembinaan ayat berlebihan atau berulang dalam karangan seiring dengan perkembangan kematangan bahasa dan kognitif pelajar.

Seiring itu, kajian oleh Kihob dan Mahali (2021) tentang kesalahan ejaan dalam penulisan karangan Bahasa Melayu murid Tingkatan Empat di daerah Tuaran, Sabah juga memperlihatkan bahawa masalah tatabahasa masih ketara walaupun murid berada pada peringkat menengah atas. Analisis kandungan terhadap 70 buah karangan mendapati kesalahan ejaan berlaku secara meluas merangkumi penambahan, penghilangan dan penggantian huruf, kekeliruan ejaan dekat dan terpisah, penyingkatan perkataan serta ketidakpekaan penggunaan huruf besar dan huruf kecil. Kajian ini telah menerangkan kategori kesalahan ejaan yang komprehensif dan contoh autentik yang menggambarkan realiti penulisan murid luar bandar secara terperinci. Dalam konteks yang sama, penulis menegaskan kepentingan ejaan sebagai asas kejelasan makna dan kelancaran komunikasi bertulis. Namun demikian, tumpuan kajian yang terhad kepada aspek ejaan menyebabkan perbincangan tentang kecekapan bahasa murid masih bersifat separa kerana kesalahan tatabahasa yang dikenal pasti berkait rapat dengan kelemahan sintaksis seperti pembinaan ayat yang tidak kemas dalam karangan. Justeru, kajian ini membuka ruang kepada penyelidikan lanjutan yang mengintegrasikan analisis ejaan dan sintaksis secara serentak bagi menilai kecekapan penulisan karangan pelajar Tingkatan Empat (T4) secara lebih holistic dari aspek kematangan struktur ayat dan keberkesanan penyampaian idea.

Secara keseluruhannya, kajian-kajian terdahulu menunjukkan bahawa penguasaan bahasa Melayu dalam penulisan pelajar masih berhadapan dengan pelbagai cabaran meliputi aspek kemahiran menulis, ejaan, tatabahasa dan sintaksis. Namun demikian, terdapat beberapa kelompangan yang dapat dikenal pasti daripada penelitian terhadap kajian-kajian tersebut. Sebahagian besar kajian memberikan tumpuan kepada komponen bahasa tertentu secara berasingan misalnya kemahiran literasi menulis pada peringkat awal persekolahan (Peng & Amir, 2023), kesalahan ejaan dalam karangan murid Tingkatan 4 (Kihob & Mahali, 2021), kesalahan tatabahasa dalam teks rasmi (Abd. Hamid et al., 2022) dan penggunaan kata hubung pancangan dalam penulisan pelajar Tingkatan Satu (Kamat et al., 2021). Austrus et al. (2025) pula meneliti cabaran penulisan berdasarkan perspektif guru tanpa menganalisis secara langsung bentuk kesalahan yang terdapat dalam teks karangan pelajar. Walaupun kajian-kajian tersebut memberikan gambaran penting tentang

kelemahan penggunaan bahasa Melayu, kelompangan yang ketara ialah kurangnya penelitian secara khusus tentang ayat lewah berdasarkan data karangan autentik pelajar sekolah menengah atas terutamanya dari aspek bentuk dan pola kelewahan yang dihasilkan. Kajian terdahulu juga belum memberikan perhatian yang mencukupi terhadap perbezaan antara kelewahan yang berlaku akibat pengulangan makna dengan kelewahan yang berpunca daripada penggunaan unsur yang berlebihan dalam ayat. Keadaan ini menunjukkan bahawa sifat dan pola ayat lewah dalam penulisan pelajar masih belum dihuraikan secara terperinci walhal isu tersebut mempunyai kaitan dengan keupayaan pelajar mengembangkan idea secara tepat dan berkesan.

Kelompangan tersebut menjadi lebih bermakna apabila dilihat dalam konteks pelajar yang mempunyai pencapaian akademik tinggi. Masih kurang kajian yang meneliti sama ada pelajar cemerlang benar-benar bebas daripada masalah kelewahan dalam pembinaan ayat meliputi sekolah luar bandar. Pencapaian yang tinggi dalam penulisan tidak semestinya menggambarkan penguasaan sepenuhnya terhadap aspek sintaksis kerana pelajar masih mungkin menghasilkan ayat yang panjang, mengulang makna dan memasukkan unsur yang tidak diperlukan ketika mengembangkan idea. Oleh itu, kajian ini mengisi kelompangan tersebut dengan menganalisis penggunaan ayat lewah dalam karangan respons terbuka yang dihasilkan oleh pelajar Tingkatan 4 cemerlang di SMK Bengkongan, Kota Marudu, Sabah. Tumpuan diberikan kepada kekerapan dan pola ayat lewah khususnya kelewahan akibat pengulangan makna dan penggunaan unsur yang berlebihan. Dengan menggunakan karangan yang dihasilkan berdasarkan soalan berformat peperiksaan sebenar, kajian ini dapat memperlihatkan bentuk kelewahan sebagaimana yang berlaku secara semula jadi dalam penulisan pelajar. Pendekatan ini memperluas kajian tentang kesalahan sintaksis dalam penulisan bahasa Melayu dan memberikan gambaran yang lebih khusus tentang keupayaan pelajar cemerlang di kawasan luar bandar menghasilkan ayat yang padat, tepat dan berkesan. Secara khususnya, kajian ini menumpu kepada dua objektif utama yakni mengenal pasti kekerapan penggunaan ayat lewah dalam karangan Bahasa Melayu pelajar cemerlang dan menganalisis konteks penggunaan ayat lewah dalam karangan pelajar cemerlang dari segi fungsi wacana dan kejelasan makna di SMK Bengkongan, Kota Marudu, Sabah (SMKB).

PERNYATAAN MASALAH

Dalam landskap pendidikan bahasa Melayu di Malaysia, penguasaan kemahiran menulis karangan yang berkesan dan gramatis merupakan salah satu indikator utama kecekapan linguistik pelajar. Penekanan terhadap aspek ketepatan bahasa dan kejelasan idea menjadi teras dalam penilaian kualiti penulisan (Fitrawati & Safitri, 2021; Matiso, 2023). Tambahan pula, penguasaan bahasa seperti aspek kosa kata yang luas dan mendalam adalah penting untuk menulis ayat dengan baik. Pelajar yang mempunyai kompetensi leksikal yang lebih tinggi menunjukkan prestasi menulis yang lebih baik (Abtew, 2020; Lee, 2020). Rahmawati et al. (2023) menyatakan bahawa isu penggunaan ayat lewah iaitu struktur ayat yang mengandungi unsur berlebihan dan pengulangan yang tidak diperlukan masih kerap ditemukan dalam karangan pelajar (Subramaniam et al., 2025). Isu kepincangan yang sama turut dibincangkan oleh Manuel (2019) yang menyatakan bahawa unsur pengulangan

dalam penulisan karangan adalah kesilapan yang kerap berlaku dan perlu dielakkan oleh pelajar apabila menulis karangan. Kesalahan sintaksis ini bukan sahaja dilakukan kelompok pelajar sederhana dan lemah malahan turut dilakukan oleh pelajar cemerlang. Secara teorinya, ayat lewah mencerminkan ketidakcekapan dalam pengurusan maklumat linguistik meliputi aspek pemilihan leksikal, pembinaan frasa dan penyusunan ayat. Rentetan itu, Flores dan Yin (2015), Telaumbanua et al. (2020) serta Kuvshinskaya dan Zevakhina (2023) menyatakan bahawa penggunaan unsur pengulangan yang tidak membawa makna signifikan dapat menjejaskan ketepatan struktur ayat dan sebenarnya mengaburkan makna tersirat yang ingin disampaikan. Karangan yang mengandungi terlalu banyak unsur pengulangan akan menyebabkan skor markah pelajar dalam ujian atau peperiksaan kurang memberangsangkan (Sivaranjani et al., 2019; Rahmawati, et al., 2020).

Dalam konteks ini, kewujudan ayat lewah dalam penulisan pelajar cemerlang menimbulkan persoalan kritikal terhadap tahap sebenar kecekapan sintaksis dan keupayaan mereka dalam mengawal penggunaan bahasa secara berkesan. Berkait itu, kajian yang memfokuskan pelajar cemerlang sebenarnya masih terhad. Kekurangan penelitian terhadap kumpulan pelajar ini menyebabkan wujudnya jurang pengetahuan berkaitan sifat dan pola kesalahan bahasa yang mungkin bersifat lebih halus, tersirat dan kompleks misalnya fenomena kelewahan ayat dalam karangan respon terbuka. Hal ini penting kerana pelajar cemerlang sering dijadikan penanda aras kepada standard pencapaian bahasa yang tinggi, justeru sebarang kelemahan yang wujud dalam penulisan mereka perlu dianalisis secara mendalam. Dalam konteks lokal, kajian yang berfokus kepada pelajar di sekolah luar bandar seperti SMK Bengkongan, Kota Marudu, Sabah, juga masih kurang diberi perhatian.

Oleh itu, penelitian terhadap aspek ini dapat menyumbang kepada pemahaman tentang kecekapan sintaksis pelajar cemerlang di samping memberikan gambaran yang lebih menyeluruh tentang kepelbagaian penggunaan bahasa Melayu dalam konteks pendidikan luar bandar. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk mengisi jurang penyelidikan terdahulu yakni penelitian yang secara khusus mengenai ayat lewah dengan kriteria sampel kajian (i) pelajar Tingkatan 4, (ii) pelajar tahap cemerlang, (iii) sekolah luar bandar dan (iv) hasil penulisan Karangan Respon Terbuka. Seterusnya, hasil daripada kajian ini juga akan mencadangkan implikasi pedagogi yang dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran penulisan bahasa Melayu secara lebih efektif dan berfokus.

METODOLOGI

Kajian ini dijalankan menerusi kaedah kualitatif deskriptif dengan berlandaskan kepada Teori Analisis Kesalahan Corder (1973). Analisis kandungan dilakukan ke atas 10 karangan yang ditulis oleh pelajar kategori cemerlang di Sekolah Menengah Kebangsaan Bengkongan (SMKB) yakni sebuah sekolah luar bandar di Kota Marudu, Sabah. Pelajar tahap cemerlang dipilih kerana mereka merupakan kelompok pelajar yang mampu menghurai idea dengan jelas dan menepati fokus soalan karangan namun masih berdepan dengan isu tertentu dalam konteks penulisan karangan Bahasa Melayu. Selain itu, sampel kajian juga dipilih berasaskan kepada rekod prestasi cemerlang dalam soalan Kertas 1 - Bahagian B (Karangan Respon Terbuka Markah) bagi peperiksaan terdahulu. Hasil Karangan Respon Terbuka menjadi sasaran penyelidikan kerana bahagian ini mempunyai

peruntukan markah yang besar dalam peperiksaan yakni sebanyak 70 markah dan sudah tentu berpengaruh kepada skor peratus pelajar dalam subjek Bahasa Melayu. Berikut ialah prestasi peserta kajian dalam peperiksaan terdahulu yakni Pentaksiran Sumatif 2 2025:

JADUAL 1. Taburan Markah Karangan Peserta Kajian dalam Peperiksaan Terdahulu

Kod Pelajar (P)	Skor Markah Kertas 1 - Karangan Respon Terbuka (70 Markah)	Peratus (Kertas 1 - Karangan Respon Terbuka)	Gred
P1	59	84	A
P2	56	80	A
P3	53	76	A-
P4	51	73	A-
P5	52	74	A-
P6	54	77	A-
P7	57	81	A
P8	60	86	A
P9	60	86	A
P10	55	79	A-


Berpandukan Jadual 1, skor penulisan Karangan Respon Terbuka oleh 10 sampel kajian berada pada tahap cemerlang yakni di atas 70% dengan peratusan antara 73% hingga 86%. rekod terdahulu ini seiring dengan sasaran kajian yang berfokus kepada pelajar kelompok cemerlang secara khusus dalam aspek penulisan Karangan Reson Terbuka. Namun demikian, pencapaian cemerlang tersebut tidak semestinya menunjukkan bahawa pelajar terbabit bebas daripada melakukan kesalahan sintaksis dalam penulisan. Hal ini demikian kerana pelajar dalam kelompok ini mempunyai keupayaan untuk menjana dan mengembangkan idea dalam skop yang lebih luas. Dalam keadaan tertentu, keupayaan tersebut boleh menyebabkan pelajar cenderung mengembangkan sesuatu idea secara berlebihan sehingga berlaku pengulangan makna atau penggunaan unsur yang tidak diperlukan dalam ayat. Keadaan ini akhirnya boleh menyebabkan terbentuknya ayat lewah dalam penulisan karangan. Sehubungan itu, Wahab (2012) menyifatkan bahawa unsur lewah dalam penulisan merupakan antara bentuk kesalahan yang sering ditemukan dalam penulisan.

Fenomena ini menunjukkan bahawa keupayaan menghasilkan isi yang baik dan mencapai pencapaian akademik yang tinggi tidak semestinya selari dengan keupayaan membina ayat yang ringkas, tepat dan berkesan. Kelewahan ayat mengganggu kepersisan ayat dan menjejaskan pemahaman pembaca. Hal demikian berlaku dalam penulisan pelajar yakni cenderung membina teks panjang dan berpotensi melakukan pengulangan idea dalam penulisan. Walaupun mereka mampu menjawab kehendak soalan, ada kalanya mereka kerap membina ayat panjang dan mengulang frasa walhal konteks maknanya seerti dengan frasa terdahulu (Manuel, 2019). Yunus dan Zakaria (2024) pula menyatakan bahawa unsur pengulangan dan unsur berlebihan serta tidak mempunyai tujuan yang jelas perlu dielakkan oleh pelajar kerana kurikulum karangan bahasa Melayu di peringkat sekolah menekankan kepentingan penyusunan serta pengorganisasian karangan secara teratur. Faktor ini ialah asas kepada pemilihan sampel kajian kepada pelajar tahap cemerlang sahaja. Bagi

mencapai sasaran kajian, seramai 10 orang peserta kajian telah dikumpulkan pada tempat dan tempoh masa yang sama untuk menghasilkan Karangan Respon Terbuka berdasarkan soalan bertajuk “Persediaan Menduduki Peperiksaan”. Soalan tersebut dibina mengikut format soalan peperiksaan sebenar dan berasaskan tema yang terdapat dalam buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 4. Penulisan karangan dilaksanakan dalam keadaan yang menyerupai situasi peperiksaan sebenar dengan tempoh masa yang diperuntukkan selama 1 jam 20 minit bagi memastikan data yang diperoleh mencerminkan keupayaan sebenar peserta dalam menghasilkan penulisan secara spontan dan terkawal. Dari sudut etika penyelidikan, kajian ke atas sampel kajian telah mendapat surat kelulusan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (nombor rujukan; KPM.600-3/2/3-eras(26560).

KERANGKA TEORI

Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) menjadi teras kepada tatacara pelaksanaan kajian ini. Rajah berikut menunjukkan penerapan tatacara analisis kesalahan dalam kajian yang dilakukan:



RAJAH 1. Kerangka Teori Analisis Kesalahan Corder (1973)

Penerapan teori Analisis Kesalahan Corder (1973) melibatkan beberapa proses yang sistematik, bermula dengan pengumpulan data karangan, diikuti dengan pengenalpastian, perincian dan pengelasan kesalahan sebelum kesalahan dinilai serta diperbetulkan. Dalam kajian ini, tatacara tersebut disesuaikan dengan fokus penelitian terhadap ayat lewah dalam karangan respons terbuka pelajar Tingkatan 4 cemerlang. Ayat yang dikenal pasti sebagai lewah diteliti berdasarkan bentuk dan konteks penggunaannya, kemudian dikelaskan kepada dua pola utama yakni pengulangan makna dan penggunaan unsur yang berlebihan. Proses tersebut seterusnya membolehkan pola penggunaan ayat lewah diuraikan berdasarkan data autentik penulisan pelajar dalam Karangan Respon Terbuka yang telah ditulis.

DAPATAN

Sebagaimana tatacara Analisis Kesalahan Corder (1973), proses pengumpulan data dilakukan sebagai langkah awal dalam penelitian. Langkah ini diterapkan dengan pelaksanaan slot menulis karangan melibatkan 10 pelajar tahap cemerlang pada waktu dan

tempat yang sama bagi menjawab soalan karangan yang disediakan. Peringkat ini signifikan kerana sesi ini melibatkan perolehan data primer kajian dalam bentuk hasil penulisan pelajar. Jadual berikut menunjukkan dapatan taburan markah, puratus dan gred bagi karangan yang ditulis oleh peserta kajian pelajar:

JADUAL 2. Taburan Skor Karangan Peserta Kajian

Kod Pelajar	Jumlah (70 Markah)	Peratus (%)	Gred
P1	52	74	A-
P2	58	82	A
P3	50	71	A-
P4	63	90	A+
P5	60	90	A+
P6	67	95	A+
P7	60	85	A
P8	63	90	A+
P9	50	71	A-
P10	65	92	A+
Jumlah	Purata = 58.80	Purata = 84	5(A+), 2(A), 3(A-)

Berdasarkan Jadual 2, seramai 7 orang pelajar mencapai markah dalam lingkungan 58 hingga 67 daripada markah penuh yakni 70 bagi karangan respon terbuka yang ditulis. Taburan markah tersebut bersamaan nilai puratus sekitar 82% hingga 95% sekali gus membuktikan mutu penulisan pelajar pada tahap gred A. Manakala, 1 orang pelajar memperoleh 52 markah bersamaan 74% sementara 2 orang pelajar lagi masing-masing memperoleh 50 markah dengan nilai 71%. Secara keseluruhan, purata markah bagi 10 orang sampel kajian ini adalah sebanyak 58.80 bersamaan 84%. Penilaian pada peringkat ini jelas menunjukkan bahawa pemilihan pelajar-pelajar tersebut sebagai sampel dalam konteks penelitian yang berfokuskan pelajar tahap cemerlang amat signifikan dan menepati kriteria gred cemerlang A-, A dan A+ yang bermula daripada 70% hingga 100%. Selanjutnya, proses pengenalanpastian kesalahan, perincian kesalahan dan pengelasan kesalahan yang dikemukakan oleh Corder (1973) telah diterapkan dan jadual berikut merupakan hasil penelitian daripada 10 karangan oleh peserta kajian:

JADUAL 3. Taburan Kekerapan Ayat Lewah dalam Karangan Peserta Kajian

Kod Pelajar	Unsur Pengulangan	Unsur Berlebihan	Jumlah
P1	7	5	12
P2	6	10	16
P3	9	2	11
P4	1	2	3
P5	1	3	4
P6	2	1	3
P7	4	2	6
P8	4	3	7
P9	4	1	5
P10	3	4	7

Jumlah	41	33	74
--------	----	----	----

Jadual 3 menunjukkan terdapat sebanyak 74 kekerapan ayat lewah dalam 10 karangan yang telah diteliti. Sebanyak 41 daripada jumlah tersebut merupakan ayat yang mengandungi unsur pengulangan manakala, sebanyak 33 lagi adalah ayat yang mengandungi unsur berlebihan. Hasil analisis, terdapat 16 jumlah ayat lewah dalam karangan yang tulis oleh Pelajar 2 (P2) menjadikan jumlah tersebut sebagai penyumbang utama kepada kekerapan ayat lewah dalam data yang dikaji. Seterusnya, diikuti oleh P1 dan P3 yang masing-masing mencatatkan sebanyak 12 dan 11 kekerapan. Di samping itu, P8 dan P10 merekodkan jumlah ayat lewah yang sama yakni sebanyak 7 kekerapan diikuti oleh P7 (6 kekerapan), P9 (5 kekerapan), P5 (4 kekerapan) dan P4 serta P6 (3 kekerapan). Dalam pada itu, proses penilaian dan pembetulan kesalahan dalam Teori Analisis Kesalahan Corder (1973) telah dilakukan dan berikut merupakan hasil analisis terhadap kedua-dua bentuk ayat lewah yang telah dikenal pasti:

i. Analisis Unsur Pengulangan dalam Ayat

Jadual 4 berikut menunjukkan sampel data bagi ayat lewah dengan unsur pengulangan dalam ayat:

JADUAL 4. Unsur Pengulangan dalam Ayat	
No. Data (D)	Ayat
D14	<i>Hal ini demikian kerana dorongan daripada guru-guru terutama ibubapa sangatlah penting untuk kita kerana ia membolehkan pelajar mendapat semangat untuk lulus dan cemerlang.</i>
D107	<i>Beralih ke perspektif seterusnya, pelajar perlu mendapatkan dorongan daripada ibu-bapa atau guru kaunseling untuk mendapatkan dorongan semangat dan bimbingan yang kuat.</i>
D223	<i>Perkara ini disebabkan kerana dengan adanya belajar kita dapat menyusun masa dengan lebih sistematik dan tersusun.</i>

Berdasarkan Jadual 4, analisis menunjukkan bahawa unsur pengulangan dalam ayat lewah berlaku secara konsisten dalam penulisan pelajar. Pengulangan ini bukan sekadar kesilapan permukaan, tetapi mencerminkan kecenderungan pelajar untuk menegaskan makna melalui pertindihan unsur leksikal dan frasa. Walau bagaimanapun, strategi tersebut sering menghasilkan ayat yang kurang sesuai dan menjejaskan ketepatan penyampaian makna. Ayat D14 memperlihatkan kelewahan akibat pengulangan unsur yakni pada penggunaan kata hubung pancangan '*kerana*' yang hadir sebanyak dua kali dalam satu binaan ayat. Pada bahagian pertama, '*kerana*' hadir dalam klausa "*Hal ini demikian kerana dorongan daripada guru-guru terutama ibu bapa sangatlah penting untuk kita*" dan berfungsi sebagai penanda hubungan sebab kepada pernyataan yang dikemukakan. Namun,

kata hubung yang sama diulang dalam klausa “*kerana ia membolehkan pelajar mendapat semangat untuk lulus dan cemerlang*”. Pengulangan tersebut menjadikan hubungan antara klausa kurang jelas kerana kedua-dua kerana seolah-olah memperkenalkan hubungan sebab pada aras sintaksis yang sama. Dalam konteks ayat ini, klausa kedua sebenarnya bertujuan menjelaskan sebab atau kesan daripada kepentingan dorongan guru dan ibu bapa serta bukannya memperkenalkan sebab yang baharu secara berasingan.

Penggunaan ‘*kerana*’ yang berulang menyebabkan struktur ayat menjadi kurang berkembang dan menunjukkan bahawa pelajar masih belum dapat menentukan hierarki hubungan antara klausa dengan tepat ketika mengembangkan sesuatu idea. Kelewahan ini juga berkait dengan kecenderungan pelajar menggabungkan beberapa maklumat dalam satu ayat tanpa menyusun hubungan sintaksis antara klausa secara teratur. Oleh itu, unsur ‘*kerana*’ yang kedua boleh digugurkan atau struktur klausa tersebut disusun semula supaya hubungan makna lebih jelas. Binaan yang lebih kemas bagi ayat D14 ialah “*Hal ini demikian kerana dorongan daripada guru-guru, terutama ibu bapa, sangat penting kerana dorongan tersebut dapat memberikan semangat kepada pelajar untuk mencapai kejayaan dalam peperiksaan.*” Namun, bagi menghasilkan ayat yang lebih padat dan mengelakkan pengulangan penanda sebab, ayat tersebut boleh diperbaiki menjadi “*Hal ini demikian kerana dorongan daripada guru-guru, terutama ibu bapa, sangat penting untuk memberikan semangat kepada pelajar agar mereka dapat mencapai kejayaan dalam peperiksaan.*” Dengan demikian, D14 memperlihatkan bahawa kelewahan berlaku melalui pengulangan kata yang membawa makna sama dan juga melalui pengulangan unsur penghubung yang tidak diperlukan yang pada masa yang sama boleh menjejaskan ketepatan hubungan sintaksis dan kelancaran penyampaian idea.

Ayat D107 pula memperlihatkan unsur pengulangan berlaku pada tahap frasa “*...mendapatkan dorongan ... untuk mendapatkan dorongan semangat...*”. Penggunaan frasa ‘mendapatkan dorongan’ yang diulang dalam ayat yang sama yang diikuti oleh ‘*dorongan semangat*’ menunjukkan pertindihan makna yang jelas. Selain itu, pengulangan kata kerja ‘mendapatkan’ turut menyumbang kepada struktur ayat yang berlebihan dan tidak diperlukan. Data ini menunjukkan bahawa pelajar membina ayat secara berturutan tanpa menilai hubungan antara unsur yang digunakan. Kesannya, maklumat yang disampaikan tidak berkembang ekornya berlaku pengulangan dalam bentuk yang berbeza. Penambahbaikan ayat boleh dilakukan dengan menggugurkan unsur yang berulang yakni “*...pelajar perlu mendapatkan semangat dan bimbingan yang kuat daripada ibu bapa atau guru kaunseling.*” Penelitian ini menggambarkan bahawa kelewahan ayat dalam kalangan pelajar bukan sahaja berpunca daripada pemilihan kata, malahan turut dipengaruhi daripada kelemahan dalam penyusunan dan penyuntingan struktur ayat. ”

Seperkara, Ayat D223 menunjukkan pengulangan melalui frasa adjektif “*...lebih sistematik dan tersusun.*” Perkataan ‘*sistematik*’ secara semantik telah merangkumi makna ‘*tersusun*’. Justeru, penggunaan kedua-dua unsur secara serentak tidak menambah makna. Hal ini kerana keadaan tersebut menghasilkan pengulangan yang tidak diperlukan. Penggunaan pasangan adjektif seperti ini menunjukkan kecenderungan pelajar untuk memperkukuh huraian melalui penggandaan kata. Sifat kurang peka terhadap hubungan makna antara kata tersebut menyebabkan ayat yang dibina kurang tepat. Ayat tersebut

boleh diperbaiki dengan memilih salah satu unsur yakni “...*menyusun masa dengan lebih sistematik*.”. Penelitian ini mengukuhkan bahawa pengulangan dalam kalangan pelajar boleh berlaku pada tahap leksikal melibatkan kata adjektif yang sinonim.

ii. Analisis Unsur Berlebihan dalam Ayat

Jadual 4 berikut menunjukkan sampel data bagi ayat lewah dengan unsur pengulangan dalam ayat:

JADUAL 5. Unsur Berlebihan dalam Ayat

No. Data	Ayat
D39	<i>Oleh itu, usaha adalah tangga kejayaan untuk kita yang ingin menggembirakan ibubapa kita.</i>
D71	<i>Bimbingan ibubapa ini dapat menyakinkan lagi pelajar untuk menduduki peperiksaan.</i>
D178	<i>Memang tidak dapat dinafikan lagi, pelajar perlu rajin untuk mengikuti kelas tambahan walaupun pada malam hari demi hasil yang memuaskan.</i>

Berdasarkan Jadual 5, data-data yang dikemukakan menunjukkan bahawa unsur berlebihan dalam ayat pelajar berlaku apabila terdapat penggunaan frasa yang tidak menyumbang makna dan fungsi tambahan pada struktur ayat (Kho, 2025). Unsur-unsur ini tidak menjejaskan kefahaman secara keseluruhan namun menjadikan ayat kurang padat dan tidak memenuhi prinsip pembinaan ayat yang betul. Berdasarkan D39, berlaku pengulangan rujukan menerusi kata ganti nama diri '*kita*' yang digunakan sebanyak dua kali dalam ayat yang sama yakni dalam frasa '*untuk kita*' dan '*ibubapa kita*'. Dari sudut semantik, rujukan kepada '*ibubapa kita*' sudah mencukupi untuk menggambarkan hubungan kekeluargaan. Maka, pengulangan *kita* dalam struktur ayat tersebut sebagai unsur berlebihan. Penggunaan berulang kata ganti nama ini tidak menambah makna baharu. Penggunaannya hanya mengulang rujukan yang telah jelas. Justeru, ayat tersebut boleh dipadatkan kepada bentuk yang lebih lancar dan tersusun seperti “*Oleh itu, usaha adalah tangga kejayaan untuk kita yang ingin menggembirakan ibu bapa.*” Fenomena ini menunjukkan bahawa pelajar berkecenderungan mengekalkan rujukan secara eksplisit tanpa mempertimbangkan keperluan sebenar dalam struktur ayat.

Ayat D71 turut menunjukkan kewujudan unsur berlebihan menerusi penggunaan kata penegasan yang tidak diperlukan. Kehadiran kata '*lagi*' selepas kata kerja '*meyakinkan*' sebenarnya tidak membawa fungsi makna tambahan dalam konteks ayat ini. Hal ini kerana kata kerja '*meyakinkan*' sendiri telah lengkap dari segi makna dan tidak memerlukan unsur penguat tambahan. Penggunaan kata '*lagi*' dalam ayat ini menonjolkan bahawa pelajar gemar menambah unsur penegasan tanpa pertimbangan terhadap kesesuaian konteks. Secara sintaksis, unsur tersebut boleh digugurkan tanpa menjejaskan maksud ayat misalnya, “*Bimbingan ibu bapa ini dapat meyakinkan pelajar untuk menduduki*

peperiksaan.” Fenomena ini secara langsung menggambarkan bahawa pelajar masih belum menguasai sepenuhnya fungsi kata penegas dalam pembinaan ayat. Akibatnya, mereka menggunakan kata penegas pada posisi dan tujuan yang tidak sesuai serta kurang signifikan.

Dalam pada itu, Ayat D178 juga menunjukkan penggunaan beberapa unsur berlebihan dalam satu ayat. Terdapat beberapa unsur yang tidak diperlukan dalam ayat ini yakni '*memang*', '*lagi*' dan frasa '*pada malam hari*'. Peranan frasa tersebut dalam ayat sememangnya membawa maksud penegasan yang kuat dan menjadikan penggunaan '*memang*' dan '*lagi*' sebagai pengulangan fungsi yang sama. Selain itu, frasa '*pada malam hari*' juga bersifat berlebihan kerana perkataan '*malam*' sudah mencukupi untuk merujuk kepada waktu tersebut. Oleh itu, pengguguran unsur berlebihan tersebut diperlukan untuk membentuk struktur ayat yang lebih padat dan tepat seperti "*Tidak dapat dinafikan, pelajar perlu rajin mengikuti kelas tambahan walaupun pada malam demi hasil yang memuaskan.*" Tegasnya, kelewahan ayat boleh berlaku secara berlapis yakni melibatkan gabungan beberapa unsur yang masing-masing tidak diperlukan.

PERBINCANGAN

Analisis kajian ini menunjukkan bahawa ayat lewah dalam penulisan pelajar terhasil melalui dua kecenderungan utama, yakni unsur pengulangan dan unsur berlebihan. Unsur pengulangan pula dapat dikategorikan kepada tiga bentuk yakni pengulangan kata hubung dan sinonim. Manakala, unsur berlebihan pula melibatkan penggunaan rujukan melalui kata ganti nama secara berulang, penggunaan kata penegas yang tidak diperlukan dan kehadiran unsur wacana atau frasa masa yang berlebihan. Kedua-dua bentuk ini memperlihatkan pola yang sama yakni penggunaan unsur bahasa yang bertindih dari segi makna dan fungsi. Analisis kajian terhadap ayat D14, D107, D223, D39, D71 dan D178 jelas menunjukkan bahawa pelajar cenderung untuk memperjelas dan menegaskan makna melalui pengulangan dan penambahan unsur bahasa. Namun demikian, kecenderungan tersebut sering berlaku tanpa pertimbangan terhadap keperluan sebenar dalam struktur ayat. Tambahan itu, ayat yang dihasilkan juga kurang berkesan dan tidak efisien dari segi penyampaian makna.

Kekerapan sebanyak 74 ayat lewah yang dikenal pasti dalam karangan 10 orang pelajar cemerlang Tingkatan 4 SMKB memberikan suatu penanda bahawa pencapaian akademik yang tinggi tidak semestinya selari dengan penguasaan sintaksis yang menyeluruh khususnya dalam aspek kehematan dan ketepatan pembinaan ayat. Daripada jumlah tersebut, 41 kes melibatkan unsur pengulangan, manakala 33 kes melibatkan unsur berlebihan. Dapatan ini menunjukkan bahawa kecenderungan menghasilkan ayat lewah masih berlaku dalam penulisan pelajar cemerlang, sekali gus memperlihatkan bahawa pencapaian yang tinggi tidak boleh dijadikan satu-satunya indikator bagi menentukan tahap penguasaan sintaksis pelajar. Dalam konteks ini, timbul kemungkinan bahawa fenomena ayat lewah juga wujud, malah berpotensi menunjukkan pola yang berbeza dalam penulisan pelajar pada tahap pencapaian sederhana dan lemah. Walau bagaimanapun, kemungkinan tersebut tidak dapat ditentukan secara empirikal melalui kajian ini kerana sampel kajian hanya melibatkan pelajar cemerlang. Oleh itu, dapatan ini lebih wajar ditafsirkan sebagai

petunjuk awal yang membuka ruang untuk penyelidikan lanjutan bagi meneliti perbandingan kekerapan dan bentuk ayat lewah merentas tahap pencapaian pelajar. Penelitian sedemikian penting untuk menentukan sama ada terdapat hubungan antara tahap penguasaan bahasa dengan kecenderungan menghasilkan ayat lewah. Dari sudut pedagogi, dapatan ini turut menunjukkan keperluan untuk memberikan perhatian yang berterusan terhadap aspek sintaksis dalam pengajaran penulisan Bahasa Melayu melibatkan pelajar berprestasi tinggi agar penguasaan bahasa tidak hanya diukur berdasarkan pencapaian akademik, tetapi turut mengambil kira keupayaan menghasilkan ayat yang gramatis, jelas dan tepat.

Berdasarkan kerangka Corder (1973), kesalahan yang dikenal pasti ini dapat ditafsirkan sebagai kesalahan sistematik yang mencerminkan tahap kecekapan bahasa pelajar. Hal ini menunjukkan bahawa kesalahan ayat lewah berlaku kesan daripada strategi bahasa pelajar yang memberi keutamaan kepada kejelasan makna secara eksplisit berbanding ketepatan dan kecekapan struktur ayat. Selain itu, dapatan kajian turut memperlihatkan pengaruh bahasa lisan dalam penulisan pelajar. Dalam komunikasi lisan, pengulangan dan penambahan unsur sering digunakan sebagai strategi penegasan. Namun, penggunaan strategi tersebut tanpa kawalan dalam konteks penulisan formal boleh menjejaskan kejelasan, ketepatan dan keberkesanan ayat. Sehubungan itu, kajian ini menekankan keperluan untuk memberi perhatian terhadap aspek kesedaran semantik, kemahiran penyuntingan dan prinsip penggunaan bahasa dalam pengajaran penulisan Bahasa Melayu. Penekanan terhadap aspek-aspek ini penting bagi membantu pelajar menghasilkan ayat yang lebih padat, tepat dan berfungsi secara optimum dalam konteks penulisan akademik. Kemampuan linguistik pelajar dalam aspek sintaksis dapat ditingkatkan dan diperkukuh menerusi penerangan dan pendedahan yang mencukupi berkaitan sistem tababahasa yang sepatutnya pelajar gunakan dalam penulisan mereka (Ismail et al, 2021).

Peratus markah karangan yang ditulis oleh 10 sampel kajian, yakni P1 (74%), P2 (82%), P3 (71%), P4, P5 dan P8 (90%), P6 (95%), P7 (85%), P9 (71%) dan P10 (92%) menunjukkan bahawa walaupun pelajar berupaya mendapatkan skor kepujian (gred A-hingga A+), pelajar masih melakukan kesilapan sintaksis seperti pembinaan ayat lewah. Hal ini jelas menonjolkan keperluan tindakan susulan yang lebih terperinci dalam pemantapan penguasaan sintaksis bagi pelajar kategori ini. Dalam hal ini, penilaian formatif yang berterusan sepanjang proses menulis juga sebenarnya dapat membantu pelajar mengenal pasti kelemahan mereka dan memperbaikinya (Qoteshat, 2013; Tuttle, 2013). Amalan guru menerusi perbincangan contoh karangan berkualiti tinggi sebagai model juga dapat membantu pelajar memahami struktur dan gaya penulisan yang baik (Alkhalwaldeh, 2011; Chang & Lee, 2019). Yusop dan Rahamat (2020) pula menegaskan bahawa persekitaran pembelajaran memainkan peranan penting dalam meningkatkan motivasi murid yang lemah dalam kemahiran menulis. Intervensi bersasar untuk mengelakan pelajar menulis ayat lewah wajar dilaksanakan di luar bilik darjah sebagai aktiviti luar kelas memberi impak yang signifikan terhadap motivasi murid untuk mempelajari subjek bahasa.

Penghasilan ayat lewah dalam karangan oleh pelajar berpunca daripada beberapa faktor yang berkaitan dengan penguasaan struktur bahasa, kemahiran menulis dan tahap

bimbingan yang diterima. Berkait itu, Manuel (2019) dan Subramaniam et al., (2025) menjelaskan bahawa kelemahan dalam penstrukturan ayat merupakan antara faktor utama apabila pelajar kurang menguasai penggunaan kata penghubung, penanda wacana dan sempadan ayat secara tepat. Kekurangan penguasaan tersebut menyebabkan pelajar cenderung menggabungkan beberapa klausa atau idea yang mempunyai makna yang sama dan saling bertindih dalam satu ayat, sekali gus menghasilkan struktur ayat yang panjang dan berlebihan. Seiring itu, Manuel (2019) dan Subramaniam et al., (2025) dalam kajiannya turut menyebut bahawa pengulangan unsur dalam ayat turut berkait rapat dengan kesalahan tata bahasa dan sintaksis khususnya ketidakupayaan pelajar mengawal hubungan antara klausa dan membentuk ayat yang gramatis. Kesalahan tersebut boleh menghasilkan ayat berlarutan serta pengulangan kata, frasa dan idea yang sebenarnya tidak diperlukan untuk menyampaikan sesuatu maksud.

Di samping itu, Melai dan Abidin (2020), Yunus dan Zakaria (2024) serta Austrus et al., (2025) pula menyatakan bahawa pembinaan unsur berulang dan berlebihan dipengaruhi oleh keupayaan menulis pelajar yang terhad dari segi penguasaan bahasa, pengembangan dan penyusunan idea. Hal ini kerana, kelemahan dalam aspek tersebut menyebabkan pelajar menggunakan perkataan atau struktur ayat secara berlebihan sebagai usaha untuk menghuraikan isi walhal maklumat yang ingin disampaikan boleh dinyatakan dengan bentuk yang lebih ringkas dan tepat. Mohamad Noor et al., (2025) pula menerangkan bahawa faktor ini menjadi lebih signifikan apabila pelajar tidak memperoleh bimbingan dan sokongan pengajaran yang mencukupi dalam aspek pembinaan, penyemakan dan pemurnian ayat. Tanpa bimbingan yang sistematik, pelajar mungkin kurang menyedari unsur pengulangan, pertindihan makna dan penggunaan struktur yang tidak diperlukan dalam penulisan mereka, sekali gus menyebabkan ayat lewah berterusan dalam karangan (Mohamad Noor et al., 2025). Dengan demikian, ayat lewah bukan semata-mata berpunca daripada kecuaiannya pelajar ketika menulis, sebaliknya merupakan manifestasi kelemahan dalam mengawal struktur sintaksis, memilih bentuk bahasa yang berkembang dan menyusun idea secara berkesan. Berhubung itu, intervensi susulan perlu menyeluruh perlu dirancang dan dilaksanakan agar pelajar dapat mempersiapkan diri dengan lebih baik dalam menghadapi peperiksaan di samping menguasai sintaksis bahasa Melayu sebagai panduan dalam sebarang bentuk pertuturan sama ada secara lisan atau tulisan (Matiso, 2023; Mohd Sham et al., 2025).

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menekankan bahawa pelajar yang berada dalam kelompok cemerlang masih melakukan kesalahan ketara dari aspek pembinaan ayat lewah. Hal ini bermaksud pelajar daripada kategori ini perlu diberi pendedahan mendalam dan bersifat praktikal untuk meminimumkan pembinaan ayat lewah dalam penulisan karangan. Dengan pengukuhan penguasaan pelajar dalam aspek tema, isi, bahasa dan pengolahan, pelajar dapat meningkatkan kepekaan terhadap penggunaan bahasa sekali gus pembinaan ayat yang mengandungi unsur pengulangan dan berlebihan dapat dielakkan. Dalam merealisasikan hasrat tersebut, perancangan dan pembinaan intervensi khas berkait penguasaan sintaksis perlu dilakukan secara berfokus mengikut tahap yang bermula pada

tahap pendidikan rendah (tahun 1 hingga tahun 6), menengah bawah (tingkatan 1 hingga tingkatan 3) dan menengah atas (tingkatan 4 dan tingkatan 5). Kemahiran menulis karangan yang berkesan dan gramatis memerlukan gabungan penguasaan tatabahasa, kosa kata, strategi retorik, dan motivasi pelajar. Berkait itu, kajian ini mengusulkan kewajaran penelitian lanjutan mengenai intervensi khas bagi isu pembinaan ayat lewah dan kajian terperinci mengenai pembinaan ayat lewah dalam kelompok tahap yang lain yakni pelajar aras sederhana dan pelajar lemah. Dengan demikian, pemantapan kemahiran sintaksis secara berstruktur dan mengikut tahap keupayaan dapat memberi implikasi terperinci dan berterusan kepada perkembangan ilmu pembinaan ayat dalam kalangan pelajar.

RUJUKAN

- Abd Hamid, M. F., Mokhtar, D. S., & Haron, R. 2022. Analisis kesalahan tatabahasa dalam Teks Perutusan Khas Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) untuk mengawal wabak COVID-19. *PENDETA*, 13(1), 84-102.
<https://doi.org/10.37134/pendeta.vol13.1.8.2022>
- Abteu, G. 2020. Effects of lexical competence on the reading and writing ability of grade 11 science students at Azezo High School, Gondar. *Ethiopian Renaissance Journal of Social Sciences and the Humanities*, 7(2), 22-38.
<https://doi.org/10.20372/erjssh.2021.0702.02>
- Almineai, A. 2025. Understanding syntactic deviations of sentence derivation in student English: A study within the Minimalist Program. *Forum for Linguistic Studies*, 7(1), 960-974. <https://doi.org/10.30564/fls.v7i1.8199>
- Austrus, E., Mahamod, Z., & Adnan, N. H. 2025. Challenges in Malay essay writing: A qualitative study among non-native speakers in primary school. *Journal of Education and Learning (EduLearn)*, 19(3), 1525-1532.
<https://doi.org/10.11591/edulearn.v19i3.22503>
- Awang, M. R., Lee, C. H., Teo, W. S. & Chen, W. F. 2025. *Model karangan bahasa Melayu SPM*. Penerbit Mybuku Sdn. Bhd.
- Chopey, N. P. 2003. Twelve tips for clearer writing. *Chemical Engineering*, 110(7), 7375.
- Corder, S.P. 1973. *Introducing Applied Linguistics*. Baltimore: Penguin.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. 2014. Lewah. Pusat Rujukan Persuratan Melayu.
<https://prpm.dbp.gov.my/Cari1?keyword=lewah&d=175768>
- Fitrawati & Safitri, D. 2021. Students' Grammatical Errors in Essay Writing: A Pedagogical Grammar Reflection. *International Journal of Language Education*, 5(2), 74-88.
<https://doi.org/10.26858/ijole.v5i2.15241>
- Gayo, H., & Widodo, P. 2018. An analysis of morphological and syntactical errors on the English writing of junior high school Indonesian students. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 17(4), 58-70.
<https://doi.org/10.26803/ijlter.17.4.4>
- Heath, T. 2003. So you want to write a paper?. *Australian Veterinary Practitioner*, 33(3), 112-116.

- Huang, L., Liu, Z., & Li, Y. 2023. Incompleteness features in the descriptive discourse of Chinese elders with and without Alzheimer's disease. *Clinical Linguistics & Phonetics*, 37(12), 1171–1185. <https://doi.org/10.1080/02699206.2022.2092423>
- Ibrahim, M. N. (2025). Penulisan bahasa Melayu SPM. Penerbit Ilmu Bakti Sdn. Bhd.
- Ismail, S., Mohamed, Y., Razak, Z. R. A., Ibrahim, M. H., & Isa, Z. 2021. Analisis kesilapan sintaksis Bahasa Arab dalam penulisan karangan pelajar natif Bahasa Melayu: Analysis of Arabic syntactic errors in essays among native students of Malay language. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 11(1), 27-36. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v11.5231>
- Kamat, N. S., Rusli, N. F. M., Jabar, N. M., & Bahari, A. A. 2021. Analisis kata hubung pancangan dalam penulisan bahasa Melayu sebagai bahasa pertama oleh pelajar Melayu tingkatan satu berdasarkan Teori Analisis Kesalahan corder. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(2), 1-14.
- Kamus Dewan. 2007. (Edisi Keempat). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kho, T. E. 2025. *Perihal ayat dalam bahasa Melayu*. Percetakan Tabah Sdn. Bhd.
- Kihob, A., & Mahali, S. 2021. Kesalahan ejaan dalam karangan murid. *Jurnal Melayu*, 20(1), 38–64.
- Kuvshinskaya, Y. M. & Zevakhina, N. A. 2023. *Tendencies in the use of full participles in the Russian written discourse: semantics and pragmatics of non-standard patterns*. <https://doi.org/10.30842/alp23065737191138192>
- Lee, J. 2020. Effects of linguistic and affective variables on middle school students' writing performance in the context of English as a foreign language: An approach using structural equation modeling. *Reading and Writing*, 33(5), 1235-1262. <https://doi.org/10.1007/s11145-019-10007-2>
- Manuel, J. B. 2019. Sentence errors committed in the paragraph writing among senior high school students. *Asian EFL Journal*, 23(3.4), 334-35
- Matiso, N. H. 2023. A comprehensive approach to eliminate English second language learners' grammatical difficulties. *International Journal of Learning, Teaching and Educational Research*, 22(10), 306-323. <https://doi.org/10.26803/ijlter.22.10.17>
- Mohd Sham, N. H., Noordin, N. & Ahmad, N.K. 2025. Exploring Students' Perception Towards the Use of Grammarly to Improve Grammatical Accuracy in Essay Writing. *Arab World English Journal (AWEJ)* Volume, 16. <https://doi.org/10.24093/awej/vol16no3.13>
- Mohd Noor, N. A., Mahamod, Z., & Mohd Nasri, N. 2025. Enhancing Malay essay writing through scaffolding: A pedagogical approach. *Journal of Education and Learning (EduLearn)*, 19(4), 2212-2219. <https://doi.org/10.11591/edulearn.v19i4.22820>
- Mokhtar, M., & Jamil, M. (2020). Use of figuratives, proverbs, and words of wisdom in argumentative writing: the strategic learning of higher order thinking skills among students. *Global Journal Al-Thaqafah*, 10(1), 58-65. <https://doi.org/10.7187/gjat072020-8>
- Nkemleke, D. 2006. Some characteristics of expository writing in Cameroon English. *English world-wide*, 27(1), 25-44. <https://doi.org/10.1075/eww.27.1.03nke>

- Peng, C. F. & Amir, S. A. (2023). Tahap penguasaan kemahiran literasi menulis bahasa Melayu dalam kalangan murid tahun satu. *PENDETA*, 14(1), 74-87. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol14.1.7.2023>
- Rahmawati, L. E., Asnafia, N., Kusmanto, H., Nasucha, Y., & Ngalim, A. 2020. Language errors related to syntax in the writing of explanatory text by eleventh grade students. *International Journal of Innovation, Creativity and Change*, 11 (4), 192, 204.
- Samiullah & Haidar, S. 2023. English Writing and Social Stratification in Pakistan: Exploring the Role of SES on Students' Writing. *Reading & Writing Quarterly*, 39(4), 318-333. <https://doi.org/10.1080/10573569.2022.2103056>
- Sarjoni, M., Rahman, F. A., Sabil, A. M., & Khambari, M. M. 2020. Review of the importance of technological pedagogical content knowledge in teaching reading skills. *Universal Journal of Educational Research*, 8(1), 30-35. <https://doi.org/10.13189/ujer.2020.081305>
- Sivaranjani, N. Amudha, S., Mary Linda, I. 2019. Automatic scoring system for evaluating comprehensive answers using key features (ASCA). *International Journal of Engineering and Advanced Technology*, 6(2), 213 – 216. <https://doi.org/10.35940/ijeat.F1057.0886S219>
- Subramaniam, V., & Ignacy, R. 2025. Analisis keberkesanan Lembaran Kerja (LK) UMIBaKaP untuk meningkatkan kemahiran menulis Bahasa Melayu: Satu kajian kes. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 33(6), 2493–2528. <https://doi.org/10.47836/pjssh.33.6.16>
- Suparti, K., Kholiq, A., Arafah, B., Kaharuddin, Suhartono, & Milawati. 2025. The effect of brainstorming and free writing on writing skill development: Teachers' feedback as a mediator. *Theory and Practice in Language Studies*, 15(11), 3785–3797. <https://doi.org/10.17507/tpsls.1511.32>
- Thi, N. K., Vo, D. V., & Nikolov, M. 2023. Investigating syntactic complexity and language-related error patterns in EFL students' writing: Corpus-based and epistemic network analyses. *Language Learning in Higher Education*, 13(1), 127-151.
- Tuttle, H. G. 2013. *Successful student writing through formative assessment*. Routledge.
- Telaumbanua, Y., Nurmawati, Y., Yalmiadi & Masrul. 2020. 'Sentence Crimes': Blurring the Boundaries between the Sentence-Level Accuracies and their Meanings Conveyed. *European Journal of Educational Research*, 9(1), 395-411. DOI: 10.12973/eujer.9.1.395
- Wahab, H. A. 2012. Aspek kelewahan dalam laporan akhbar atas talian. *Issues in Language Studies*, 1(2), 24-31.
- Yunus, N. A. B. M., & Zakaria, A. F. 2024. Formula approach: Strategies for improving vocational college students' Malay essay writing skills. *Jurnal Kejuruteraan*, 36(3), 965–971. [https://doi.org/10.17576/jkukm-2024-36\(3\)-11](https://doi.org/10.17576/jkukm-2024-36(3)-11)
- Yusop, Y. M., & Rahamat, R. 2020. Race for Literacy: Alternative for LINUS2. 0. *International Journal of Language Education and Applied Linguistics*, 10(2), 5-13. <https://doi.org/10.15282/ijleal.v10.4530>

Biodata Penulis:

Winddy Kinduo merupakan pelajar pascasiswazah di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Kota Kinabalu.

Saidatul Nornis Mahali (PhD) merupakan Prof. Madya Dr. di Pusat Penataran Ilmu & Bahasa, Universiti Malaysia Sabah. Bidang kepakaran dalam Linguistik Antropologi, Linguistik Etno, dan kajian terhadap bahasa-bahasa peribumi di Sabah-Sarawak.